

Takut tanggung dosa sahabat

Tak tahu cara nasihat kawan, bimbang terputus hubungan

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

? Saya belajar di salah sebuah institusi pengajian tinggi dan dikelilingi suasana kampus cukup damai. Situasi kampus juga agak terhindar daripada masalah sosial kerana kami lebih menjaga batas pergaulan antara lelaki dan perempuan. Namun di sebalik itu, ada juga yang bermasalah.

Masalah saya ialah seorang kawan di universiti yang suka berkongsi ceritanya kepada saya. Dia suka bercerita mengenai kekasihnya. Pernah sekali dia cerita, mereka keluar bersama-sama dan lelaki itu memimpin tangannya. Pada awalnya terkejut juga saya apatah lagi dia seperti tidak ada rasa bersalah dengan keadaan itu.

Mereka semakin kerap keluar bersama dengan alasan hendak mengulangkaji pelajaran.

Apa yang tambah merunsingkan ialah lelaki itu semakin berani menyentuhnya. Seperti mana

yang kawan perempuan saya ceritakan, lelaki itu mencuit dagu dan pipinya. Saya tidak tahu bagaimana hendak menasihati. Saya rasa diri saya turut menanggung dosa kerana tidak mencegah tapi saya tidak berdaya.

Saya sedih dengan keadaan ini kerana saya tidak mampu cegah kemungkaran yang ada. Apatah lagi keduanya kawan saya. Saya cukup risau memikirkan hal ini, bantulah saya.

MOHON PETUNJUK
Kuala Lumpur.

! Cinta itu fitrah insani dan cinta adalah anugerah yang tidak ternilai diberikan Allah kepada setiap hamba-Nya. Menjadi seorang pelajar di dalam suasana pembelajaran begitu membantu adik dalam mengenal apa yang betul dan salah. Berdepan dengan kawan adik yang bergaul di luar batasan pelajar Islam adalah sesuatu yang merunsingkan.

Nasihat Dr, berusaha untuk memberikan nasihat kepada kawan adik walaupun sebagai kawan rapat, adik takut kawan berasa hati dan

meninggalkan adik. Tetapi, percayalah, ini adalah ujian kepada adik yang Allah berikan.

Setiap orang dilahirkan dengan latar belakang berbeza, mungkin kawan adik tidak mendapat pendidikan agama yang sempurna sebelum ini dan merasakan apa yang dilakukan tidak salah. Jadi, adik sebagai kawan berkongsi cerita, gunakan cara terbaik untuk menasihatinya.

Carilah cara yang paling ber hikmah supaya persahabatan kalian tidak renggang. Remaja yang sedang bercinta memang susah untuk merasakannya apa yang mereka lakukan itu adalah salah, adik cubalah memberi contoh-contoh bahan bacaan cinta Islami yang betul kepadanya.

Semoga kawan adik terus terbuka hatinya. Kerana bercinta itu tidak menjadi satu kesalahan, tetapi salah dalam tatacara bercinta, lupa Tuhan itu akan menjadi bercinta itu dipandang salah. Semoga adik kuat dan membantu kawan adik.

Anak rimas ibu tak percaya



? Saya satu-satunya anak perempuan daripada tiga beradik. Masalahnya, ibu tidak pernah mempercayai saya walaupun puas memberitahunya malah saya tidak pernah melakukan perkara tidak baik. Saya sudah dewasa namun ibu terlalu mengambil berat mengenai saya. Ibu akan menelefon sekurang-kurangnya 10 kali setiap hari untuk bertanya keadaan dan aktiviti dilakukan. Setiap hari soalan yang sama akan ditanyakan sampai terasa sukar untuk belajar hidup berdikari.

Saya bukan rimas dengan sikap ibu malah bersyukur kerana mempunyai ibu

seperti itu cuma kadang kala saya mahu belajar erti susah dan senang dalam kehidupan. Saya mahu belajar hidup berdikari dan bukan segalanya diatur ibu. Saya juga malu dengan rakan-rakan yang sentiasa menterawakan saya.

Saya cemburu melihat rakan-rakan yang bebas melakukan aktiviti mereka tanpa terikat. Saya sudah dewasa untuk membuat keputusan sendiri dan memikirkan apa yang terbaik. Saya takut jika berterus terang, ibu akan berkecil hati. Apakah yang harus dilakukan agar ibu memahami keadaan saya?

RESAH,
Kedah.

! Mempunyai seorang ibu yang sangat mengambil berat adalah sangat menggembirakan kerana tahu bahawa adik sentiasa di dalam ingatan ibu. Sikap ibu sedemikian adalah satu cara ibu untuk memamerkan kasih sayang. Cuma ia menjadi berlebihan apabila setiap masa ingin bertanyakan perihal adik.

Dr merasakan bahawa adik perlu juga berterus-terang kepada ibu. Niat ibu adik adalah baik kerana adik satu-satunya anak perempuan dalam keluarga. Dia ingin menjaga sebaik mungkin.

Adik merasakan sudah

menginjak ke alam remaja dan rasa sudah perlu berdikari. Namun ini sesuatu yang baru kepada ibu adik.

Dr sarankan adik berbual santai dengan ibu dan menganggapnya sebagai seorang kawan. Kongsilah perasaan adik dan apa yang diinginkan. Begitu juga adik, dengarilah apa yang ibu ingin sampaikan kerana setiap yang dilakukan pasti untuk kebaikan diri adik sendiri.

Capailah kata sepakat supaya kalian tidak berkecil hati. Sikap memahami antara ibu dan adik, pasti akan mengharmonikan lagi hubungan ibu dan anak.